

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : ~~YB DATUK JOSEPH SALANG~~ ANAK  
GANDUM  
[ JULAU ]**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [ Julau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kementerian tersebut bersedia mengambil tindakan sewajarnya terhadap mana-mana kumpulan atau individu yang tidak menghiraukan warna, agama atau keturunan yang terang-terang dengan sengaja mencuba untuk menimbulkan kegusaran dan keresahan kaum sasaran mereka.

**JAWAPAN: PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sekiranya terdapat keterangan dan bukti yang kukuh bahawa seseorang individu telah melakukan kesalahan di bawah sesuatu undang-undang, Jabatan Peguam Negara akan memulakan tindakan pendakwaan terhadap individu tersebut mengikut peruntukan undang-undang sedia ada tanpa mengira latar belakang individu berkenaan.
2. Keputusan tersebut dibuat dengan adil, tidak memihak kepada sesiapa dan berlandaskan teras integriti bagi memastikan mangsa, saksi, tertuduh dan orang awam memperoleh keadilan dengan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.